

# ISU SOSIAL DAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA INDONESIA DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Riki Taufiki & Amir Hasan Dawi

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## ABSTRAK

Penyelidikan adalah mengenai isu sosial dan akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa dari Indonesia yang menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian dijalankan mengikut pendekatan kajian kes dan menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dilakukan triangulasi data. Dapatan kajian menunjukkan isu sosial yang dihadapi pelajar antarabangsa Indonesia adalah isu makanan dan bahasa. Manakala dari segi akademik isu-isu yang dihadapi adalah bahasa pengantar pengajian, sistem pendidikan di Malaysia dan diskriminasi dalam bilik kuliah. Kajian ini diharapkan memberi perspektif sebenar kepada para penggubal dasar sama ada pihak universiti mahupun penggubal dasar di negara asal pelajar agar dapat membuat satu polisi yang bersesuaian dengan keperluan sosial dan keperluan akademik pelajar antarabangsa Indonesia di UPSI.

**KATA KUNCI:** Isu sosial, isu akademik, pelajar antarabangsa Indonesia, kajian kes

## ABSTRACT

This research is about social and academic issues among international students from Indonesia studying at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The study was conducted according to a case study approach using instruments interviews, observations and document analysis. Triangulation data was made to ensure the validity and reliability of the data. The findings showed social issues facing by the international students from Indonesia are the issues of food and language. In terms of academic issues facing by the students from Indonesia are the language of instruction, the education system in Malaysia and discrimination in the classroom. This study is expected to give a real perspective to policy-makers either in the university or policy makers in the country of origin so that they can make a policy to suit the social and academic needs of international students at UPSI.

**KEYWORDS:** social issues, academic issues, Indonesian international students, case study

## PENGENALAN

Sejajar dengan matlamat Malaysia untuk menjadi pusat pengajian tinggi serantau, pelbagai usaha bagi menggalakkan pengambilan pelajar antarabangsa di universiti-universiti di negara ini telah dijalankan. Kesan dari dasar tersebut adalah meningkatnya bilangan kemasukan pelajar antarabangsa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia (Jadual 1). Namun begitu kajian-kajian yang telah dijalankan sama ada kajian dalam negara mahupun kajian luar negara menunjukkan pelajar antarabangsa senantiasa berdepan dengan pelbagai isu sosial dan akademik yang memberi kesan terhadap kehidupan sosial dan kejayaan akademik mereka. Oleh sebab itu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga perlu memberi tumpuan terhadap masalah sosial dan akademik pelajar antarabangsa.

Jadual 1. Kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia (2005-2010)

Tahun	IPTA		IPTS		Keseluruhan IPT	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
2005	6622	16.3	33903	83.7	40525	100.0
2006	7941	17.9	36449	82.1	44390	100.0
2007	14324	29.9	33604	70.1	47928	100.0
2008	18485	26.7	50679	73.3	69164	100.0
2009	22456	27.8	58294	72.2	80750	100.0
2010	24214	27.9	62709	72.1	86923	100.0

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi (2013)

Isu sosial dan akademik pelajar antarabangsa juga merupakan perkara yang penting dikaji sejajar dengan matlamat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang ingin menjadi *Leading Education University* di Asia Tenggara pada tahun 2015 dan Asia pada tahun 2020. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Naib Canselor UPSI, Prof Dr. Zakaria Kasa dalam Amanat Naib Canselor 2013 (Warta Kampus, Mei 2013):

*“Saya menetapkan tahun 2015 UPSI akan menjadi Leading Education University di Asia Tenggara dan pada tahun 2020 akan menjadi Leading Education University di Asia pula”.*

Pelajar antarabangsa mempunyai peranan penting dalam usaha mencapai matlamat tersebut. Pelajar antarabangsa secara tidak langsung adalah duta kepada universiti dan negara tempat mereka melakukan pengajian. Pelajar antarabangsa dengan sendirinya dapat mempromosikan UPSI sebagai universiti antarabangsa yang berkualiti dan mempromosikan keunggulan pengajian tinggi di Malaysia. Pelajar antarabangsa Indonesia adalah merupakan pelajar antarabangsa dengan bilangan terbesar di UPSI (Jadual 2).

Jadual 2. Senarai pelajar antarabangsa di UPSI mengikut negara asal

<b>Negara Asal</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>	<b>Peratus (%)</b>
Amerika Syarikat	6	4.8
Brunei Darussalam	2	1.6
China	35	28.0
Indonesia	57	45.6
Iran	1	0.8
Iraq	5	4.0
Korea Selatan	12	9.6
Singapore	1	0.8
Thailand	4	3.2
Turki	1	0.8
<b>JUMLAH</b>	<b>125</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa UPSI, 18 Januari 2013

Isu sosial dan akademik merupakan dua isu yang tidak dapat dipisahkan dalam penyesuaian pelajar antarabangsa. Kejayaan akademik sangat bergantung kepada sejauh mana pelajar antarabangsa bersosial (Zimmermann, 1995). Kehidupan sosial yang baik akan membantu pelajar antarabangsa lebih cemerlang dalam pencapaian akademik dan matlamat kehidupan peribadi (Fameko, 2009:3). Oleh itu sepatutnya kedua-dua isu tersebut diteliti secara bersama.

Kajian yang dijalankan oleh Thompson dan Thompson (1996), Angelova dan Riazantseva (1999), Robertson et al. (2000), Spencer-Rodgers (2001), Zhai (2004), Sawir (2005), Kijima (2005), Wei et al. (2007), Famako (2009), IPPTN (2009), Yuan (2010), Hasan Hushin dan Nurfarahiyah Mahmud (2010), Siang (2012) dan kajian Wenhua dan Zhe (2013) mendapati isu sosial yang dihadapi pelajar antarabangsa ialah isu bahasa, perbezaan budaya, kesukaran untuk menyesuaikan diri, diskriminasi, prejudis, stereotaip, sikap perkauman dan makanan. Manakala isu akademik yang dihadapi ialah isu bahasa, tidak dapat menyesuaikan diri dengan sistem pengajian tempatan, tekanan akademik, kesukaran dalam penulisan dan ilmu pengetahuan yang diperoleh tidak sejajar dengan keperluan di negara asal.

Kajian oleh Thompson dan Thompson (1996), Angelova dan Riazantseva (1999), Robertson et al. (2000), Spencer-Rodgers (2001), Zhai (2004), Sawir (2005), Kijima (2005), Wei et al. (2007), Famako (2009), Yuan (2010) dan kajian Wenhua dan Zhe (2013) merupakan kajian yang dijalankan di luar negara dimana situasinya belum tentu sama dengan di Malaysia. Sementara itu kajian-kajian yang telah dijalankan di Malaysia seperti kajian IPPTN (2009), Hasan Hushin dan Nurfarahiyah Mahmud (2010) dan Siang (2012) adalah dalam bentuk kaedah tinjauan.

Kajian yang dibentangkan ini adalah dalam bentuk kajian kes di mana bertujuan mendapatkan perspektif yang berbeza daripada kajian tinjauan dan dapatan kajian bersifat lebih mendalam. Selain itu kajian kes mengenai isu sosial dan akademik pelajar antarabangsa di UPSI juga merupakan kajian baharu yang belum pernah dijalankan. Kajian ini juga dapat memberi gambaran sama ada apa yang berlaku dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI serupa atau berbeza dengan dapatan kajian-kajian yang terdahulu di tempat lain.

## **TEORI LABEL DAN PELAJAR ANTARABANGSA**

Perspektif Interaksionime simbolik telah membina teori pelabelan, yang memberi tumpuan kepada kepentingan label (nama, reputasi) yang diberikan terhadap individu atau kumpulan tertentu (Henslin, 2007:207). Teori Label menyatakan bahawa perbezaan disebabkan oleh pemberian label oleh masyarakat ke atas seseorang yang kemudian cenderung akan melanjutkan perbezaan tersebut (Lemert, dalam Liska 1987: 117).

Ray C. Rist (dalam Sadovnik 2007: 9) melakukan beberapa kajian yang mendapati bahawa amalan pelabelan dan pengelompokan disekolah mempunyai kesan terhadap penghasilan semula ketidaksamaan pendidikan dan sosial. Dapatan ini menunjukkan harapan guru kepada pelajar berdasarkan kategori seperti ras, kelas, etnik dan gender mempengaruhi persepsi diri pelajar dan prestasi mereka. Sebaliknya label positif membolehkan berlakunya *self fulfilling prophecy*. Kajian Rosenthal dan Lenore (dalam Ferrante (2011:157) menerusi satu eksperimen untuk melihat jangkaan positif mengenai pelajar oleh guru ternyata mempengaruhi pertumbuhan intelektual dan menjadi *self fulfilling prophecy*.

Kajian Grey (dalam Fameko 2009:6) mendapati label negatif mengenai pelajar antarabangsa sering membawa pelajar-pelajar tempatan untuk mengelakkan interaksi dengan pelajar antarabangsa. Kajian Spencer-Rodgers (2001) mendapati bahawa pelajar tempatan di Amerika Syarikat memiliki kedua-dua stereotaip positif dan negatif terhadap pelajar antarabangsa. Stereotaip positif lebih ke arah belajar seperti: "pintar", "menyukai cabaran", "bekerja keras," dan "memiliki tekad kuat". Sebaliknya stereotaip negatif lebih berorientasi sosial seperti: "asing/berbeza," "gagal dalam penyesuaian sosial budaya," "tidak bercakap Bahasa Inggeris dengan baik," "tidak ramah," dan "naif". Kajian Kijima (2005) mendapati bahawa pelajar antarabangsa Jepun di Australia kerap memberikan label negatif terhadap budaya tempatan, seperti; malas, kurang sopan dan kurang menghormati orang lain. Namun demikian selepas beberapa bulan tinggal di Australia tanggapan negatif tersebut mula berkurang dan menjadi lebih positif. Ini membolehkan isu sosial dan akademik yang mereka hadapi semakin berkurang.

Kajian IPPTN (2009) mendapati masyarakat tempatan di Malaysia kerap kali memiliki label negatif terhadap pelajar antarabangsa dari negara-negara Afrika dan Asia. Masyarakat tempatan kerap menganggap pelajar dari negara-negara Afrika, Pakistan dan Arab Saudi tidak beradab dan sombong. Meskipun begitu, masyarakat di Malaysia secara umum boleh menerima pelajar antarabangsa dari negara-negara Asia lainnya dan negara Barat. Ini kerana terdapat persamaan yang dikongsi bersama seperti budaya dan agama serta penglibatan pelajar antarabangsa dalam aktiviti-aktiviti amal dalam masyarakat.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Patton (1990:14) kaedah kualitatif biasanya menghasilkan banyak maklumat, informasi terperinci dan memperdalam pemahaman terhadap suatu kes atau situasi. Pendekatan kajian ini adalah secara kajian kes. Menurut Yin (2003: 13-14) kajian kes adalah penyelidikan yang fokus kepada penyiasatan fenomena semasa dalam konteks kehidupan sebenar, terutama sekali mengambil kira konteks tersebut bagi mendalami kefahaman berkenaan fenomena yang dikaji.

Dalam kajian ini instrumen yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Menurut Bogdan dan Biklen (2007: 55) tradisi pengumpulan data yang biasa di gunakan dalam kajian kualitatif adalah seperti pemerhatian peserta, temubual tidak berstruktur dan analisis dokumen. Pemerhatian telah dilakukan pengkaji dalam masa yang panjang mulai Januari 2013 sehingga September 2013 sehingga membantu pengkaji untuk menentukan responden yang hendak ditemu bual. Temu bual dilakukan secara mendalam dengan para responden yang dipilih secara bertujuan. Pemilihan peserta kajian atau responden kajian secara bertujuan dimaksudkan untuk membantu penyelidik mendapatkan peserta kajian yang paling baik dan mampu untuk membantu penyelidik memahami masalah dan persoalan kajian (Creswell, 2009: 178). Analisis dokumen dilakukan di awal dan akhir kajian untuk melengkapkan dapatan temu bual dan pemerhatian.

Maklumat-maklumat daripada pemerhatian, temu bual serta analisis dokumen boleh digabungkan atau ditrianggulaskan agar dapat memperoleh dapatan yang lebih mendalam dan mempunyai kesahan (Othman Lebar, 2012:110). Menurut Merriam (2009) dan Creswell (2013) untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapat dilakukan melalui:

1. Triangulasi, menggunakan pelbagai, sumber dan metod (instrumen) kajian untuk mengesahkan dapatan.
2. *Member checks*, meminta responden kajian memeriksa data serta interpretasi awalan untuk memastikan kesesuaian dapatan.
3. Pemeriksaan rakan sekerja, meminta rakan sekerja memberi komen keatas dapatan dari semasa ke semasa.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Latar responden**

#### **Responden 1**

Responden berusia 26 tahun, belum nikah dan beragama Islam. Beliau adalah pelajar sarjana muda Kemahiran Hidup, Fakulti Teknikal dan Vokasional. Responden merupakan setiausaha Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) di UPSI. Responden juga adalah Exco Blok A Kolej Aminuddin Baki (KAB) atau yang dikenali sebagai blok kediaman pelajar antarabangsa. Responden dipercayai memiliki maklumat yang banyak kerana penglibatan dan peranan penting beliau dalam kalangan pelajar Indonesia.

#### **Responden 2**

Responden berumur 31 tahun, beragama Islam, belum nikah dan merupakan pelajar Sarjana Teknologi Maklumat. Responden dipilih secara bertujuan atas cadangan daripada responden-responden sebelumnya dan kerana dianggap kaya dengan maklumat. Responden adalah ketua Persatuan Pelajar Aceh di UPSI dan dikenali secara meluas dalam kalangan pelajar antarabangsa dari Indonesia.

#### **Responden 3**

Responden berusia 25 tahun, beragama Islam, belum nikah dan merupakan pelajar Sarjana Pendidikan Awal Kanak-Kanak Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM) UPSI. Responden dipilih kerana dianggap mampu mewakili pelajar perempuan asal Indonesia yang lain. Responden mewakili ciri umum kebanyakan pelajar wanita dari Indonesia.

#### **Responden 4**

Responden berumur 26 tahun, belum nikah dan merupakan pelajar Sarjana Psikologi, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM). Beliau telah tinggal hampir dua tahun di Malaysia. Responden terlibat aktif dalam hal ehwal antarabangsa UPSI yang cuba menubuhkan persatuan pelajar antarabangsa. Responden juga aktif di Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) UPSI dan bekas Yang Dipertua Persatuan Pelajar Aceh di UPSI.

## **Dapatan temubual: Isu sosial**

### **Isu makanan**

Diutarakan oleh hampir semua responden. Menurut responden1 punca isu makanan adalah perbezaan cita rasa, menurutnya:

“...kalau makanan di sini berbeza dengan makanan di Aceh, rasanya mungkin agak manis...” (R1, temu bual 3 Mei 2013).

Responden 4 juga menyatakan bahawa beliau memiliki masalah dengan makanan tempatan, beliau menyatakan:

“...Ya, I have problem with food, jadi saya masak sendiri disini, kurang sesuai selera, itu saja.” (R4, temu bual, 9September 2013).

Ekoran isu makanan sebahagian responden memilih untuk memasak sendiri. Seperti responden 3, yang menyatakan:

“...tapi kami biasa masak sendiri.” (R3, temu bual 3 Jun 2013).

## **Isu Bahasa**

Isu ini merupakan isu sosial lain yang dikemukakan para responden. Menurut Responden 1:

“...bahasa ada, tapi tidak semua paling ada satu dua. Ada kata yang kurang difahami ataupun tidak difahami sama sekali dan itu butuh proses, mungkin saya tanyakan ke kawan...” (R1, temu bual 3 Mei 2013).

Responden 2 juga menyatakan mengalami sedikit halangan berkenaan bahasa, khususnya pada masa awal-awal di Malaysia. Menurutnya:

“.... kesulitan, hambatan, terutama itu dalam masalah bahasa.” (R2, temu bual 13 Mei 2013).

## **Dapatan temubual: Isu akademik**

### **Isu bahasa dalam pengajian**

Ini ini dikemukakan oleh seluruh responden. Para responden mengaku mengalami halangan dalam hal bahasa sepanjang menjalankan pengajian. Responden 1 menyatakan:

“... mungkin bahasa Melayu anda satu dua kata yang ketika dijelaskan (oleh pensyarah) saya tidak tahu. Kalau tugas saya gunakan Google Translate ke dalam bahasa Melayu.” (R1, temu bual 3 Mei 2013).

Manakala responden 3 menyatakan:

“... jadinya kita kendala dalam bahasa, dalam artian bukan kita tidak faham dengan pengajian tersebut tapi untuk menjelaskannya kembali. Kalau tugas biasanya saya menggunakan Google Translate.” (R3, temu bual 3 Jun 2013).

Responden 4, menyatakan beliau menghadapi isu bahasa semasa awal-awal ketibaan beliau di UPSI. Namun isu tersebut terus terhakis setelah tinggal lama di Malaysia. Menurut responden:

“ At first time here I face little bit problem with my supervisor because he use bahasa ilmiah, tapi selepas itu, tidak ada hambatan. Tapi waktu awalnya ketika diskusi dengan supervisor itu bermasalah. Dalam setahun, enam bulan lah sudah tidak ada masalah.” (R4, temu bual, 9 September 2013).

Responden 2 mengaku mengalami sedikit isu bahasa dalam pengajian, Menurutnya:

“... sedikit halangan (akademik) hanya faktor bahasa sahaja.” (R2, temu bual 13 Mei 2013).

### **Isu diskriminasi dalam bilik darjah**

Beberapa responden menyatakan tentang isu ini. Namun seluruh responden menyatakan perlakuan ini tidak ketara. Responden 2, menyatakan ada pensyarah yang bersikap sedikit berbeza dalam kelas, apabila tahu beliau berasal dari Indonesia:

“... mungkin ada sedikit saja bila, bila saya dinyatakan sebagai warga negara Indonesia, maka sedikit ada perbezaan (dari pensyarah ) kerana Indonesia dan Malaysia mempunyai politik, hubungan politik yang terkadang baik terkadang tidak baik, oleh sebab itu mungkin ada sedikit pandangan yang beza. Tapi ya itu jarang.” (R2, temu bual 13 Mei 2013).

Responden 3 yang menyatakan beliau sempat merasakan sedikit perlakuan diskriminatif, dari rakan-rakan, menurutnya:

“... ada sebahagian kecil orang yang kurang pedulilah, mereka lebih mementingkan kaum sendiri, mereka hanya ingin berkawan sesama sendiri. Tetapi sebahagian besarnya malah lebih senang berkawan, karena mereka ingin tahu budaya orang lain, itu yang banyak saya rasakan.” (R3, temu bual 3 Jun 2013).

Responden 4 mengaku tidak mengalami perlakuan diskriminasi secara langsung, tetapi beliau menceritakan pengalaman rakan-rakan beliau dengan seorang pensyarah:

“...my roommates, Indonesian students (from Aceh), they have drama class, and they should act in front of class, ada scene yang mirip drama Indonesia, kemudian pensyarah tersebut berkata, “Kenapa ada bau-bau Indon disini, ini ya kalian mahasiswa Indonesia”, kemudian 7 orang mereka berkata ya. Terakhir disitu diskriminasi sedikit ya, itu bukan pengalaman saya. Setelah selesai kelas mereka (kawan-kawan responden) bagitahu pensyarah kalau mereka dari Aceh, kemudian pensyarah tersebut minta maaf, Pensyarah berkata, “o dari Aceh, maaf, saya tak tahu.” (R4, temu bual 9 September 2013)

### **Isu sistem pendidikan dan birokrasi universiti**

Isu ini pula diutarakan oleh responden 4, yang mengaku sistem pengajian tempatan mengharuskan beliau menunggu agak lama, misalnya untuk pembentangan viva. Menurutnyanya:

“ I think difficult, because berbeza dengan di Indonesia, then I confuse because I dont get any briefing. Saya tidak di briefing, sedangkan saya international student. Misalnya seperti sekarang saya sedang menunggu Viva, Viva nya kapan, menunggu sampai kapan, konfirmasi kemana? Nanti selepas Viva apa lagi...”(R4, temu bual 9 September 2013).

Selain itu responden juga mengaku berdepan dengan isu layanan birokrasi serta kesulitan mendapatkan pelan pengajian dan panduan akademik. Menurut responden:

“...supervisor saya international lecturer dari India. Beliau minta saya untuk mencari format tesis disini. Beliau juga minta saya bertanya bagaimana prosedur saya disini dan seterusnya, kerana itu saya yang datang ke IPS, para staff agak kurang merespon, Seharusnya saya mendapat semua itu dari beliau atau dari (kakitangan) akademik, tetapi justeru saya yang menyiapkan semuanya. Apabila saya meminta format tesis dalam bahasa Inggeris kepada IPS, mereka menyatakan belum ada, sehingga lama kemudian tidak siap, akhirnya saya menterjemahkannya beserta buku panduan ke dalam bahasa Inggeris and bring it to my lecturer, all by myself.” (R4, temu bual 9 September 2013).

### **Dapatan pemerhatian**

Pemerhatian telah dilakukan sejak bulak Januari 2013 hingga September 2013. Namun demikian hanya beberapa dapatan pemerhatian, yang dianggap penting untuk kajian yang dihuraikan dalam dapatan ini.

#### **Pemerhatian pertama**

Pemerhatian berlangsung dalam bilik kuliah di Dewan Kuliah Pusat Kampus Sultan Azlan Shah UPSI. Syarahan dilakukan dalam bahasa Melayu Malaysia. Semasa kelas akan berakhir pensyarah mula bertanya kepada para pelajar sama ada mereka boleh faham mengenai syarahan hari itu. Apabila pelajar menyatakan boleh faham, beberapa pelajar diuji dengan soalan dari pensyarah. Responden 3 yang nampak duduk bersama pelajar Indonesia yang lain, juga disoal oleh pensyarah sama ada beliau boleh faham akan syarahan. Responden menyatakan beliau agak faham. Pensyarah kemudian bertanya soalan kepada responden 3, yang mana soalan tersebut telah dapat dijawab oleh responden. Hanya pensyarah kelihatan kurang faham dengan jawapan pelajar oleh sebab faktor bahasa. Begitu juga pelajar-pelajar tempatan yang pengkaji tanya, mereka pun berasa kurang faham.

#### **Pemerhatian kedua**

Pemerhatian kedua berlangsung di Ruang Rehat Kolej Aminuddin Baki Blok A. Pemerhatian bermula dari pukul 8.30 malam. Kelihatan sekitar 10 orang pelajar antarabangsa dari Indonesia termasuk responden 2 dan responden 3, bersama seorang pelajar daripada Amerika Syarikat dan seorang pelajar tempatan. Para pelajar Indonesia tersebut sedang mengikuti kursus bahasa Inggeris oleh pelajar Amerika Syarikat yang menjadi tutor serta dibantu oleh seorang pelajar tempatan. Beberapa pelajar Indonesia menyatakan kepada pengkaji sememangnya ingin mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka.

#### **Pemerhatian ketiga**

Pemerhatian dilakukan di Kolej Kediaman Aminuddin Baki. Responden 3 dilihat sedang memasak di dalam bilik beliau, meskipun dengan alatan dapur yang terhad. Beliau sempat berbual dengan pengkaji dan menyatakan bahawa beliau mengalami halangan dengan makanan tempatan yang menurut responden kurang sesuai dengan selera beliau. Beliau makan dengan lauk yang sangat sederhana yang beliau masak sendiri, meskipun demikian beliau terlihat tersenyum dan cukup puas hati.

#### **Pemerhatian keempat**

Pemerhatian ini berlangsung di Kolej Kediaman Aminuddin Baki. Responden 2 berbual dengan pelajar Indonesia lain dan seorang pelajar antarabangsa Korea Selatan. Pelajar Indonesia tersebut mengeluhakan layanan kurang mesra seorang kakitangan di salah satu jabatan di universiti yang menangani hal ehwal pelajar antarabangsa yang baru saja dialaminya. Responden 2 terus mendengar dan memberi nasihat agar pelajar Indonesia tersebut cuba berurusan dengan kakitangan lain di jabatan tersebut, yang menurut responden selalunya bersikap mesra kepada pelajar antarabangsa. Menariknya semasa perbualan berlangsung para pelajar Indonesia bercakap sepenuhnya

dalam bahasa Melayu Malaysia. Mereka mengaku bahawa memang kerap bercakap dalam bahasa Melayu baik sesama pelajar Indonesia sendiri mahupun dengan pelajar tempatan untuk meningkatkan kemampuan bahasa Melayu mereka.

### **Dapatan analisis dokumen**

Analisis dokumen mendapati bahawa beberapa isu sosial yang biasa dialami oleh pelajar antarabangsa telah cuba dimasukkan dalam buku panduan pelajar antarabangsa yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa UPSI. Buku panduan ini memberi penerangan ringkas mengenai perkara-perkara pengurusan dan birokrasi, khasnya mengenai visa, penginapan, kesihatan dan makanan tempatan. Buku panduan ini juga menerangkan mengenai beberapa perkara berkaitan budaya tempatan. Sememangnya panduan seperti ini sangat bermanfaat bagi membantu pelajar antarabangsa dalam penyesuaian sosiobudaya dan meminimumkan isu sosial yang mungkin berlaku.

Dokumen lain ialah panduan akademik pelajar antarabangsa yang diperolehi dari laman web Institut Pengajian Siswazah, UPSI ([ips.upsi.edu.my](http://ips.upsi.edu.my)); yang bermakna panduan ini hanya bagi pelajar pascasiswazah. Panduan disediakan dalam dua bahasa, iaitu Melayu dan Inggeris. Antara perkara penting yang dijelaskan termasuk perancangan pengajian yang menerangkan tentang pelan dan tahap-tahap pengajian mengikut mod pengajian yang diambil, panduan penulisan tesis yang merangkumi mengenai proses penghasilan tesis/disertasi, panduan penulisan proposal kajian dan pembentangannya, panduan penulisan tesis, format tesis/disertasi dan langkah-langkah penyerahan tesis/disertasi.

### **PERBINCANGAN**

Dapatan temu bual dan pemerhatian menunjukkan bahawa para responden mengaku mengalami masalah dengan makanan tempatan. Isu ini berlaku kerana perbezaan cita rasa makanan. Sesetengah responden mengatasinya dengan memasak sendiri. Kajian Wei et al. (2007) dan kajian Hasan Hushin dan Nurfarahiyah Mahmud (2010) menunjukkan isu makanan adalah antara punca tekanan dan kesukaran dalam penyesuaian diri pelajar antarabangsa dengan persekitaran baru.

Hasil analisis kajian mendapati isu sosial pelajar antarabangsa Indonesia berikutnya adalah isu bahasa. Bahasa adalah satu sistem simbol yang membolehkan orang ramai untuk berkomunikasi antara satu sama lain (Macionis, 2007: 66). Kajian Robertson et al. (2000) membuat kesimpulan bahawa isu-isu bahasa adalah masalah utama yang dihadapi dan tidak dapat diselesaikan pelajar antarabangsa. Para responden mengaku mengalami sedikit kesukaran dengan bahasa Melayu, namun menurut mereka isu tersebut semakin terhakis seiring masa pengajian mereka. Kajian Ward dan Rana (1999) mendapati penyesuaian pelajar antarabangsa adalah sangat dipengaruhi faktor-faktor seperti tempoh tinggal dalam budaya baru dan keupayaan bahasa. Dapatan pemerhatian juga menunjukkan pelajar antarabangsa Indonesia telah cuba mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan Melayu mereka.

Hasil analisis dapatan temu bual mendapati isu bahasa dalam pengajian menjadi isu akademik utama para responden. Kajian Sawir (2005) mendapati isu akademik utama para pelajar antarabangsa adalah isu bahasa. Ia termasuk pemahaman yang tidak lengkap terhadap pertuturan pensyarah, dan kesukaran menulis. Dapatan pemerhatian juga menunjukkan pelajar antarabangsa Indonesia yang duduk bersama rakan satu negara mengalami halangan dengan isu bahasa dalam bilik kuliah. Kajian Thompson dan Thompson (1996) mendapati bahawa tingkah laku yang paling tidak produktif pelajar antarabangsa adalah duduk bersama di sebelah rakan senegara ketika belajar. Namun demikian isu bahasa dalam pengajian semakin berkurang seiring tempoh pengajian para responden. Ada pula responden yang memilih untuk aktif bertanya kepada kawan mahupun pensyarah. Mengenai tugas umum responden menggunakan bantuan perisian *Google Translate*.

Dapatan juga menunjukkan adanya isu diskriminasi yang dialami responden. Diskriminasi ini dinyatakan oleh Macionis (2007: 372) sebagai; "*Treating various categories of people unequally*". Ada responden yang mengaku mengalami sedikit perlakuan diskriminatif dari rakan-rakan pelajar tempatan yang kurang mengambil peduli responden, di mana mereka lebih suka bergaul sesama pelajar tempatan saja. Namun menurut responden umumnya para pelajar tempatan bersikap mesra. Responden lain mengaku diperlakukan sedikit berbeza oleh pensyarah apabila beliau diketahui berasal dari Indonesia, meskipun kebanyakan pensyarah lain sangat mesra dengan beliau. Ada pula responden yang menceritakan rakan beliau mendapat perlakuan agak diskriminatif dalam bilik kuliah dari pensyarah kerana melakonkan drama Indonesia. Namun pensyarah tersebut kemudian meminta maaf kepada para pelajar tersebut sebaik saja tahu para pelajar itu berasal dari Aceh.

Analisis temu bual kajian juga mendapati adanya isu sistem pengajian yang berbeza dan birokrasi universiti. Ada responden menyatakan harus menunggu lama untuk setiap tahap akademik beliau, misalnya jadual viva yang sangat lama dan tidak ada kepastian. Selain itu responden mengaku tidak mendapat pelan pengajian, bahkan beliau harus menterjemahkan format tesis dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris untuk pensyarah beliau (pensyarah antarabangsa). Kajian Wenhua dan Zhe (2013) mendapati bahawa masalah dalam penyesuaian pelajar antarabangsa mengenai isu akademik merangkumi pemahaman terhadap sistem akademik tempatan, isu kemajuan akademik dan tekanan akademik.

Namun begitu dapatan analisis dokumen menunjukkan bahawa pelan pengajian dan panduan tesis dalam bahasa Inggeris telah ada dalam laman IPS ([ips.upsi.edu.my](http://ips.upsi.edu.my)). Meskipun demikian, analisis mendalam mendapati tidak ada pertentangan antara dapatan temu bual dengan dapatan analisis dokumen, kerana responden mengalami kejadian tersebut pada masa awal pengajian beliau dua tahun yang lepas (berdasarkan data demografi dan temu bual). Menurut responden memang ketika itu belum ada panduan tesis dalam bahasa Inggeris (responden telah cuba meminta kepada IPS). Maka kajian ini menunjukkan telah ada usaha penambahbaikan yang dilakukan IPS, sehingga isu seperti ini mungkin tidak akan berlaku lagi.

## KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa isu sosial utama yang dihadapi pelajar antarabangsa Indonesia di UPSI adalah isu makanan dan isu bahasa. Manakala isu akademik pelajar Indonesia di UPSI merangkumi isu bahasa dalam pengajian, isu sistem pengajian tempatan yang berbeza, dan isu diskriminasi dalam bilik darjah (Jadual 3).

Jadual 3. Tinjauan kategori isu akademik dan isu sosial pelajar Indonesia di UPSI

Kategori Isu	Keterangan
Isu sosial	<i>Isu makanan</i> , makanan tempatan kurang sesuai dengan selera, cuba memasak sendiri.
	<i>Isu bahasa</i> , penguasaan bahasa Melayu yang belum sempurna, terhakis seiring tempoh tinggal.
Isu akademik	<i>Isu bahasa dalam pengajian</i> , (bahasa Melayu dan Inggeris) pemahamanyang tidak lengkapterhadap pertuturan pensyarah, dan kesukaran menulis. Namun terhakis seiring tempoh tinggal di Malaysia.
	<i>Isu diskriminasi dalam bilik darjah</i> , perlakuan agak berbeza dari pelajar tempatan dan pensyarah, disebabkan asal negara responden, menurut responden isu ini ada tapi tidak ketara.
	<i>Isu sistem pendidikan tempatan dan birokrasi</i> , lambatnya jadual viva dan tahap pengajian, staf birokrasi dan kurang responsif, tidak adanya pelan pengajian dan panduan tesis.

Sumber: Dapatan kajian (2013).

## Implikasi Teori Label

Label adalah suatu identiti yang diberikan oleh seseorang atau kelompok lain atas dasar atribut (ciri-ciri) sosial yang dimiliki. Pemberian label tersebut biasanya didapati dari hasil interaksi sosial (Gessang, 2010). Teori label menjelaskan bahawa sebuah label dapat membawa kesan sama ada negatif mahupun positif (Siegel, 2003). Kajian ini juga menemukan label negatif pernah berlaku kepada pelajar Indonesia, sebagaimana diceritakan responden. Ada pensyarah yang kurang suka dengan lakonan pelajar Indonesia dengan menyebut kata “ada bau-bau Indondi sini”, meskipun beliau segera meminta maaf apabila tahu para pelajar itu berasal dari Aceh. Di sebaliknya, hal ini juga menarik kerana pensyarah berkenaan memiliki label positif terhadap Aceh.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan umumnya berlaku label positif dalam kalangan pelajar antarabangsa Indonesia terhadap pelajar dan pensyarah tempatan. Selain itu dapatan temu bual dan pemerhatian juga menunjukkan pada umumnya pelajar antarabangsa Indonesia memiliki kesan dan tanggapan positif serta merasa diterima dengan baik di Malaysia. Penerimaan ini menunjukkan wujudnya label positif dalam kalangan masyarakat, pelajar dan pensyarah tempatan terhadap pelajar antarabangsa Indonesia.



## CADANGAN

Secara khusus beberapa cadangan dapat dikemukakan hasil daripada kajian ini. Pertama, perlunya program orientasi akademik yang baik, termasuk mengenalkan sistem akademik tempatan kepada pelajar antarabangsa. Kedua, perlu ada program untuk menyokong dan mempertingkatkan penguasaan bahasa akademik pelajar antarabangsa, khasnya dalam hal penulisan. Ketiga diperlukan usaha bagi mempercepat proses akademik (misalnya jadual kolokium, viva dan lainnya); dan keempat, perlu dirangka aktiviti dan program untuk mendekatkan pelajar antarabangsa dengan pelajar dan masyarakat tempatan, misalnya projek-projek sosial bersama dalam masyarakat tempatan atau melibatkan pelajar antarabangsa dalam aktiviti budaya tempatan.

Kajian ini masih memiliki banyak batasan. Penyelidikan ini hanya mengkaji pelajar antarabangsa Indonesia di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Oleh itu diperlukan kajian lanjut yang mewakili seluruh pelajar antarabangsa yang ada di UPSI. Kajian tersebut tentunya akan lebih dinamik. Kepelbagaian latar budaya responden mungkin melahirkan pelbagai masalah sosial dan akademik yang berbeza. Kajian tersebut misalnya akan melibatkan pelajar dari Afrika ataupun Amerika Syarikat, yang lebih peka dengan permasalahan rasisme. Sebuah kajian lanjutan yang mengkaji isu serupa juga menarik untuk dijalankan di tempat-tempat lain, bagi melihat adakah fenomena dan isu yang sama berlaku secara umum di universiti-universiti lain di Malaysia.

## RUJUKAN

- Angelova, M. and Riazantseva, A. (1999). "If you don't tell me, how can I know": A case study of four international students learning to write the U.S. way. *Journal Written Communication*. Vol 16, No4. pg.491-525.
- Bogdan, Robert and Biklen, Sari Knopp. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and method*. Boston: Allyn and Bacon.
- Buku Panduan Pengajian. (2013). UPSI: Institut Pengajian Siswazah. Burns, R. (1997). *Introduction to Research Methods*, (3rd ed). Melbourne: Longman.
- Creswell, John W. (2009). *Design research: Qualitative, quantitative and mixed method approach*. California: Sage Publications.
- Creswell, John W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. California: Sage Publications.
- Liska, E. Allen. (1987). *Perspective on deviance*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Fameko, Le. (2009). *Identity and Socialization of International Students in America*. Paper presented at the annual meeting of the International Communication Association, Sheraton New York, New York City, NY Online. from <http://www.allacademic.com/>, (akses 17 Mei 2013).
- Farrante, Joan. (2011). *Sociology a global perspective*. Belmont: Thomson Higher Education.
- Gessang. (2010). *Mengatasi stigma pelecehan seksual*. <http://gessang.org/index.php.com>. (akses 9 April 2013).
- Hassan bin Hushin & Nurfarahiyah bt Mahmud. (2010). *Tinjauan kategori masalah dalam kalangan pelajar antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul takzim*. Fakulti pendidikan, UTM.
- Henslin, J. M. (2007). *Sociology a down to earth approach*. 8th. Ed. Pearson: USA.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN). (2009). *Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2013). *Buku perangkaan pengajian tinggi Malaysia*. [http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/). (Akses 6 September 2013).
- Kijima, Miyoko. (2005). Schooling, multiculturalism and cultural identity: Case study of Japanese senior school students in a secondary school in South Australia. *International Education Journal, ERC Special Issue, Vol 5 (5)*, 129-136.
- Macionis, J. J. (2007). *Sociology*. 11<sup>th</sup>. Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementations*. San Francisco : Jossey Bass.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kemasukan Pelajar Antarabangsa di IPT Malaysia (2005-2010)*. [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my) (akses, Mei 2013).
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* Beverly Hills, CA: Sage.
- Robertson, M., Line, M., Jone S., S. dan Thomas, S. (2000) "International students, learning environments and perceptions: A case study using the Delphi technique". *Higher Education Research & Development* 19(1), 89-101.
- Sadovnik, Alan. (2007). *Sociology of education: A critical reader*. New York: Routledge.
- Sawir, Erlenawati. (2005). Language difficulties of international students in Australia: The effects of prior learning experience. *International Education Journal*, 6(5), p. 567-580.
- Siang, Liew Chei. (2012). *Analisis kepuasan terhadap program pengajian dalam kalangan pelajar antarabangsa di malaysia*. Pusat Pengajian Ekonomi FEP UKM. Prosiding Perkem VII, jilid 2, pg. 1019- 1031.
- Siegel, Larry J. (1998). *Criminology: Theories, patterns, and typologies* (6). Belmont, CA: West/Wadsworth.

- Spencer-Rodgers, J.(2001). Consensual and individual stereotypic beliefs about international students among American host nationals. *International Journal of Intercultural Relations, Vol 25*. No 6. pg.639-657.
- Tompson, H.B. dan Tompson, G.H. (1996) "Confronting diversity issues in the classroom with strategies to improve satisfaction and retention of international students". *Journal of Education for Business, 72*(1), 53–7.
- Ward, C. dan Rana-Deuba, A. (1999).Acculturation and adaptation revisited. *Journal of Cross-Cultural Psychology, Vol. 30* No. 4, 422-442.
- Warta Kampus. (2013). Amanat Naib Counselor 2013 bersamaan 1434 H. Bil 67.Mac 2013.
- Wei, Meifen; Heppner,P. Paul; Mallen, J.Michael; Ku, Tsun-Yao et al. (2007). Acculturative stress, perfectionism, years in the United States, and depression among chinese international students. *Journal of Counseling Psychology by the American Psychological Association.Vol. 54*, No. 4. pg. 385-394.
- Wenhua, Hu and Zhe, Zhang. (2013). International students' adjustment problems at university: A critical literature review.*Journal of Social Science and Humanities.Vol 4*, No 2. pg. 400-406.
- Yin, Robert K. (2003).*Case study research design and method*. California: Sage Publications.
- Yuan, Wenli. (2010). Investigating international student perceptions of adjustment through Q methodology. *Journal Intercultural Communication Studies.Vol 29*, No 2. pg. 235-252.
- Zhai, Lijuan. (2004). Studying International Students: Adjustment Issues and Social Support.*Journal of International Agricultural and Extension Education I*, (1) p.97-104.
- Zimmermann, S. (1995). *Perceptions of intercultural communication competence and international student adaptation to an American campus*. Communication Education, Vol 44, No 4. Pg. 321-335.